

15 OCT 2003

Hasmah-Bakti

SITI HASMAH AKAN TERUS AKTIF SEBAGAI AHLI BAKTI

PETALING JAYA, 15 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang akan melepaskan jawatan presiden Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri (Bakti) akhir bulan ini, akan terus menjadi anggota aktif dalam persatuan itu.

Isteri Perdana Menteri itu berkata: "Saya akan terus bersama Bakti."

"Walaupun saya akan melepaskan jawatan presiden Bakti, saya akan menjadi anggota bersekutu (persatuan)," katanya kepada Bernama selepas menyerahkan cek bernilai RM20,000 kepada Rumah Kanak-Kanak Cacat dan Kurang Upaya Taman Megah di Subang Jaya di sini hari ini.

Kira-kira 40 kanak-kanak dari rumah itu turut diraikan di sebuah hotel di sini sempena Hari Deepavali.

Siti Hasmah telah bersama Bakti selama 22 tahun sejak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri pada 1981. Dr Mahathir akan melepaskan jawatan itu akhir bulan ini.

Ditanya mengenai perasaan beliau melepaskan jawatan yang sudah dipegangnya selama lebih dua dekad itu, Dr Siti Hasmah berkata: " Tidak, saya tidak merasakan apa-apa. Saya perlukan rehat dan memberi timbalan saya peluang untuk naik."

"Saya selalu beranggapan tidak ada perbezaan. Saya akan terlepas peluang menyertai aktiviti yang sering dilakukan anggota Bakti," katanya.

Beliau bagaimanapun tahu mereka akan terus menjemputnya menyertai aktiviti yang akan dilakukan kelak.

Dr Siti Hasmah berkata Bakti terbabit dalam banyak aktiviti dan tahun ini mereka sibuk dengan perasmian bangunan milik persatuan itu di Bukit Kiara, Ahad lepas dan kejohanan tahunan badminton Piala Perdana.

Meskipun hampir bersara daripada jawatan itu, Dr Siti Hasmah masih aktif menganjur aktiviti persatuan.

"Esok, anggota Bakti akan melakukan program membeli-belah tahunan untuk keperluan Hari Raya serta menyiapkan kuih-muih untuk anggota tentera dan polis, yang kami lakukan setiap tahun," katanya.

-- BERNAMA

RAF HK LAT